



PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
OFFICE OF DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF EDUCATION MALAYSIA

SEKTOR OPERASI PENDIDIKAN

EDUCATIONAL OPERATION SECTOR

KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA

ARAS 4 BLOK E2, KOMPLEKS E

LEVEL 4 BLOCK E2 COMPLEX E

PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT ADMINISTRATIVE CENTRE

62604 PUTRAJAYA

MALAYSIA

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Tel : +603-8884 9302

Fax : +603-8888 6680

Website : <http://www.moe.gov.my/>

Ruj. Kami: KPM(BPSH-SPDK)100-1/7/3(22)

Tarikh: 0/ Disember 2015

**Semua Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri**

YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan,

**SURAT SIARAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BILANGAN 17 TAHUN 2015**

LARANGAN PENGGUNAAN ROKOK ELEKTRONIK ATAU VAPE DI SEKOLAH

Sekolah merupakan institusi murid-murid mendapatkan pendidikan secara holistik, termasuklah usaha-usaha pemupukan budaya dan nilai-nilai murni masyarakat di Malaysia. Dalam usaha tersebut Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menerima aduan tentang penggunaan rokok elektronik atau *vape* yang turut melibatkan murid-murid. KPM memandang berat akan hal ini, dan berpandangan bahawa perkara tersebut perlu ditangani segera kerana bertentangan dengan usaha pemupukan budaya dan nilai-nilai murni. Penggunaan rokok elektronik atau *vape* boleh membahayakan keselamatan murid dan kesihatan serta mendedahkan mereka kepada risiko penyalahgunaan dadah.

2. Sehubungan dengan itu, rokok elektronik atau *vape* **dilarang** penggunaannya dalam kawasan sekolah. Langkah ini adalah untuk membendung pengaruh dan budaya tidak sihat tersebut khususnya dalam kalangan murid-murid sekolah. Larangan ini termasuk perbuatan membawa, menghisap, mengedar, menjual, memiliki, menyimpan, mempamerkan, menyiarkan, menyebarkan atau mengiklankan rokok elektronik atau *vape* termasuk *e-liquid* dan sebarang alatan yang berkaitan dengannya.


3. Pihak berkuasa di sekolah hendaklah mengambil langkah-langkah yang berikut:

- i. mengadakan sesi taklimat larangan penggunaan rokok elektronik atau *vape* di sekolah kepada murid, ibu bapa dan warga sekolah;

- ii. menghantar laporan taklimat kepada Unit Hal Ehwal Murid Pejabat Pendidikan Daerah/ Jabatan Pendidikan Negeri;
 - iii. mencatat perbuatan murid yang melanggar larangan penggunaan rokok elektronik atau *vape* sebagai kesalahan disiplin berat. Pihak sekolah boleh merampas rokok elektronik atau *vape* tersebut;
 - iv. merujuk murid yang terlibat kepada Jawatankuasa Disiplin Sekolah; dan
 - v. mematuhi prosedur tindakan terhadap kesalahan berat dalam menangani larangan penggunaan rokok elektronik atau *vape* di sekolah.
4. Sekiranya ada murid yang mengingkari larangan ini, maka pihak sekolah hendaklah memanggil ibu bapa/penjaga murid yang terlibat untuk:
- i. memaklumkan kesalahan murid dan mendapat kerjasama dalam membendung permasalahan anak/jagaan mereka;
 - ii. melengkapkan borang Aku Janji (Lampiran I); dan
 - iii. menyerahkan kembali rokok elektronik atau *vape* yang dirampas kepada ibu bapa/penjaga murid berkenaan.
5. Mana-mana murid yang mengingkari larangan ini bagi kali yang kedua, maka pengetua atau guru besar sekolah boleh mengambil tindakan disiplin dengan menggantung persekolahan mereka selama tidak lebih 14 hari persekolahan yang tidak melibatkan peperiksaan awam.
6. Dengan berkuat kuasanya surat siaran ini juga, **semua guru, kakitangan, ibu bapa, pengusaha kantin, pengawal keselamatan, pekerja pembersihan atau mana-mana individu yang berurusan dengan sekolah juga dilarang** daripada menggunakan rokok elektronik atau *vape* di kawasan sekolah.
7. YBhg. Datuk/Datin/tuan/puan dimohon untuk memaklumkan kandungan surat siaran ini kepada semua pegawai yang bertanggungjawab di bahagian, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, pengetua dan guru besar di bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Datin/tuan/puan.

Sekian. Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



DATO' HAJI AHMAD TAJUDIN BIN JAB
Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran
Sektor Operasi Pendidikan

s.k.:

1. YB Menteri Pendidikan Malaysia
2. YB Timbalan Menteri Pendidikan I
3. YB Timbalan Menteri Pendidikan II
4. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
5. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
6. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
7. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
8. Rektor
Institut Pendidikan Guru Malaysia
9. Ketua Nazir
Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti
10. Penasihat Undang-Undang
Kementerian Pendidikan Malaysia
11. Pegawai Perhubungan Awam
Kementerian Pendidikan Malaysia

BORANG AKU JANJI

Pengetua/ Guru Besar

.....

Tuan,

AKU JANJI

Saya yang bernama.....No.SB/KP:.....

Dalam Tahun/Tingkatan.....dengan ini mengakui telah melakukan kesalahan melanggar Larangan Penggunaan Rokok Elektronik atau *Vape* . Dengan ini saya berjanji tidak akan mengulangi kesalahan tersebut pada bila-bila masa.

.....

(Pelajar)

SayaNo.SB/KP:.....ibu/bapa/penjaga kepada murid di atas telah memahami segala salah laku yang telah dibuat oleh anak jagaan saya. Saya dengan ini membuat pengakuan dan jaminan bahawa:

Akan sentiasa menasihati, memantau dan membimbing anak jagaan saya supaya tidak mengulangi kesalahan tersebut pada bila-bila masa.

Saya dengan rela dan penuh rasa tanggungjawab membenarkan pihak Sekolah mengambil tindakan sewajarnya dan jika perlu menggantung dan seterusnya membuang sekolah.

Sekian, terima kasih.

Yang Benar

Disaksikan oleh

.....
 (Ibu, bapa, penjaga)

.....
 (PK HEM)

Disahkan oleh,

.....

Pengetua/Guru Besar

s.k

1. JPN (Unit Hem)
2. Bapa/Ibu/Penjaga Murid/Pelajar
3. Guru Kelas.....
4. Fail Disiplin